

PUISI LISAN: PEMERKASAAN WARISAN BANGSA MELAYU
ORAL POETRY: THE EMPOWERMENT OF MALAY RACE HERITAGE

Liliy Salwani Razali
Shaiful Bahri Md. Radzi
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: liliysrazali@yahoo.com
sbmr@ukm.edu.my

Abstrak

Puisi lisan adalah asas tamadun Melayu. Puisi lisan adalah merupakan asas kepada penciptaan sastera Melayu yang terawal muncul dalam kalangan masyarakat yang buta huruf, atau dianggap sebagai 'primitif', karya yang bersifat dongengan, khayalan sahaja. Di sebalik penciptaanya juga masyarakat bijak dalam mengaplikasikan seluruh aspek kehidupan mereka seperti persekitaran, suasana yang tampak pada mata kasar mereka dalam bentuk pola bahasa yang ringkas dan mudah bagi tujuan-tujuan yang tertentu. Salah satunya adalah sebagai penegasan, memudahkan ingatan, 'mnemonic device' dan juga sebagai satu usaha untuk memperindahkan halwa telinga pendengar. Akan tetapi, di sebalik mainan kata yang digunakan dalam bentuk bahasa berangkap tersebut terkandung pemikiran bangsa Melayu yang berintelek tinggi. Setiap penciptaan puisi yang diwujudkan dalam masyarakatnya yang buta huruf mempunyai fungsi yang berbeza. Justeru, objektif kajian akan menggariskan kepelbagaian fungsi puisi lisan Melayu serta bagaimana fungsi tersebut diwujudkan dalam suasana masyarakatnya yang bersifat tradisi. Justifikasi

penggunaan puisi sebagai batasan kajian adalah kerana puisi bahasanya bersifat ringkas, mudah berbanding prosa yang lebih kompleks sifatnya. Puisi lisan Melayu juga diwujudkan dengan lenggok bahasanya yang ringkas, mudah dan berdasarkan suasana serta latar masyarakatnya. Analisis terhadap teks atau rangkap-rangkap puisi lisan yang telah dibukukan dapat membuktikan keperksaan warga Melayu yang membawa kepada pembentukan asas tamadun bangsa Melayu.

Kata Kunci: Puisi Lisan, Fungsi, Bahasa, Akal Budi, Bangsa Melayu

Abstract

Oral poetry is one of the basis of Malay civilisation. Oral poetry is one of the earliest Malay literature that exists in its illiterate society, or regard as primitive, a fairy tale, imaginary work. Behind its creation the society is prudent in applying all aspect of their life such as the environment, the atmosphere that appears in their naked eyes in the form of simple and easy language pattern for certain purposes. One of these is an affirmation, facilitates memory, mnemonic device and also a feast for the ears. However, behind the wordplay used in the language verse there is highly intellectual Malay race thinking. Every poetry creation that exists in an illiterate society has different functions. Hence, the objective of this study is to outline the multifunction of Malay oral poetry and how the function exists in the atmosphere of traditional society. The justification of using the poetry as the limitation of study is because the language of poetry is short and simple compared to the prose that is more complex. Malay oral poetry also exists with its simple, easy poetic language based on the atmosphere and the society's background. Analysis of the text or oral poetry verses in the book form is an evidence of Malay empowerment that brings to the basic form of Malay race.

Keywords: Oral Poetry, Function, Language, Common Sense, Malay Race

1.0 Pengenalan

Puisi lisan adalah asas tamadun Melayu. Gagasan kelisanan yang ditampilkan melalui bait-bait kata puisi yang bersifat ringkas, mudah menampilkan keanekaragaman fungsinya. Di sebalik keringkasan, mainan kata yang digunakan terpancar akal budi, daya fikir, dan ketelusan orang Melayu dalam menyampaikan sesuatu perkara. Walaupun masih dibelenggu dengan kekurangan kemahiran membaca mahupun menulis, dalam erti kata yang lain sebagai buta huruf orang Melayu bijak dalam menyusun kata, menyampaikan isi hati, teguran, sarana kebaikan dan sebagainya dengan penuh tertib dan adab dalam berbicara. Patah kata serta lenggok bahasa yang digunakan bersifat melankolik dan indah susunannya supaya setiap mesej atau maksud yang ingin disampaikan diterima umum oleh ahli masyarakat. Penggunaan bahasa yang melankolik, indah susunannya, dan puitis sifatnya menjadikan puisi lisan sebagai sebuah karya idea rakyat yang berwibawa dan penting dalam komunikasi lisan pada waktu dahulu. Disulami dengan kepelbagaian fungsi setiap satunya turut melambangkan kebijaksanaan bangsa Melayu dalam mempelbagaikan madah mengikut suasana. Kewujudan fungsi yang berbeza bagi setiap bentuk puisi lisan Melayu menjadikan puisi-puisi lisan tersebut berdaya guna dalam pelbagai situasi.

Pemerksaan warisan bangsa Melayu melalui puisi merupakan salah satu cabang dari berpuluh-puluh cabang kajian yang pernah dilontarkan sebelum ini. Sebagai sebuah kajian lanjutan, kajian dan perbincangan terhadap fungsi yang terdapat dalam setiap pembahagian puisi mempunyai perbezaannya bergantung kepada situasi penyampaiannya. Kepelbagaian fungsi yang terpamer dalam setiap

bentuk puisi lisan mempelbagaikan ilmu dan pemikiran serta pemerhatian bangsa Melayu yang disatukan dan disampaikan dalam bentuk bahasa oleh anggota masyarakat bangsa Melayu. Keagungan, kehandalan pemikiran, idea mahupun gagasan yang dimiliki oleh bangsa Melayu melahirkan kepelbagaian dalam fungsi dan makna puisi lisan Melayu. Puisi-puisi lisan Melayu sebagaimana yang dimiliki secara bersama oleh bangsa Melayu menjadi sebuah jati diri bangsa.

2.0 Pemeriksaan Warisan Melayu Melalui Puisi Lisan

Puisi Melayu adalah puisi yang agung sifatnya. Hasil kreatif warga Melayu yang dicipta sejak awal dahulu dalam konteks lisan, komunikasi verbal mempunyai kedudukan yang istimewa dalam pensejarahan orang Melayu. Sifatnya yang ringkas, berangkap menjadikan khalayak atau anggota masyarakatnya sentiasa mengulang cakap walau bergenerasi usianya. Walaupun terjerut dengan pelbagai tali yang mengongkong keterbatasannya, namun puisi lisan terutamanya pantun, peribahasa malahan mantera, teromba, teka-teki, talibun, seloka masih lagi didendangkan dalam pelbagai situasi serta masih lagi bersifat malar segar dalam jiwa orang Melayu. Di sebalik kepelbagaian fungsinya, terpancar pemikiran bangsa Melayu yang luhur sifatnya. Keunggulan serta kehebatan orang Melayu dalam menciptakan sesuatu yang bersifat ringkas, mudah namun disebaliknya terpancar keperkasaan warisan bangsanya. Kebijaksanaan pemikiran yang terpamer dalam puisi-puisi lisan menyerlahkan daya fikir, akal budi, keluhan jiwa serta jati diri orang Melayu (Hanapi Dolah dan Shaiful Bhari Md. Radzi, 2003).

Keperkasaan warisan Melayu dalam konteks kajian ini mengetengahkan keagungan, kehandalan pemikiran bangsa Melayu melalui puisi lisan dalam konteks fungsinya yang pelbagai. Penyerlahan kreativiti masyarakat khususnya dari zaman

buta huruf lagi menyerlahkan akal budi masyarakatnya berdasarkan seni berbahasa. Menepati konsepnya sebagai keperksaan warisan bangsa melalui penyerlahan keunggulan dan kehebatan hasil kreativiti pengarang (Siri Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu VII, 2003). Keupayaan melahirkan idea, gagasan mahupun sarana dalam bentuk berangkap adalah sesuatu yang bersifat kekal dan mewarisi dari satu generasi kepada satu generasi yang seterusnya. Sebagai sebuah karya yang hadir bersama masyarakat, kepelbagaian fungsi ditentukan berdasarkan suasana, persekitaran yang dialami oleh ahlinya. Fungsi puisi seperti suatu luahan jiwa, kritikan, memupuk nilai sosial yang baik, aturan, penduga akal, sindiran, teguran malahan sebagai penghubung antara dunia realiti dan imaginasi dicetuskan oleh situasi dan pemerhatian terhadap suasana alam serta tindak tanduk anggota masyarakatnya. Memetik pandangan Za'ba (1962) puisi adalah merupakan keindahan berbahasa serta kecantikan bahasa, metafora, pemikiran, pendidikan yang tersimpan kukuh dalam setiap katanya. Justeru, puisi bukan sahaja sesuatu yang indah, merdu alunan, metafora yang mengagumkan puisi juga mampu mengetengahkan minda manusia melalui penyampaian pemikiran yang diterjemahkan dalam bentuk bahasa. Kepelbagaian genre warisan puisi Melayu yang berteraskan lisan merangkumi beberapa puisi yang terkandung dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Antaranya adalah pantun, mantera, peribahasa, teka-teki, seloka, teromba dan juga talibun. Disampaikan dalam bentuk berangkap, terikat atau bebas puisi lisan Melayu dilagukan dalam bentuk bahasa yang indah dan melankolik sifatnya walaupun dalam tujuan menyindir dan mengkritik.

Keperksaan warisan Melayu dalam konteks kajian melibatkan keteguhan dan keperksaan pemikiran, gagasan mahupun idea yang diketengahkan melalui puisi lisan Melayu. Puisi lisan Melayu merupakan sebuah khazanah kesusasteraan bangsa Melayu yang diwarisi secara bergenerasi dan merupakan gagasan pemikiran bangsa Melayu leluhur yang tinggi nilainya. Pemikiran yang terkandung dalam setiap patah kata dalam rangkap puisi berupaya membentuk peribadi yang unggul di samping menjana pembangunan modal insan yang lebih baik. Perasaan, pemikiran malahan aktiviti masyarakatnya tergambar melalui rangkap-rangkap puisi yang tersedia (Dharmawijaya, 1998). Dalam konteks pemikiran serta gagasan warisan Melayu ini juga, bahasa memainkan peranan yang utama dalam menyampaikan wahana tersebut. A. Teeuw (1992) menyentuh bahawa struktur puisi dan bahasa merupakan hak multak bangsa Melayu sejak awal lagi. Sebagai sesuatu yang dimiliki secara partisipatori, puisi lisan Melayu menjadi hak milik secara bersama. Nama pencipta serta tarikh dicipta bagi sesebuah puisi itu tidak dicatatkan sebagaimana puisi moden atau sajak pada masa kini. Atas faktor kelisanan tersebut, setiap orang berhak untuk menuturkan bait-bait puisi walau dalam apa jua keadaan tanpa perlu meminta izin. Kebebasan menutur tersebut mencambah minat dan kekaguman dalam diri seseorang terhadap puisi-puisi lisan Melayu. Justeru, secara bebas dituturkan oleh sesiapa sahaja walau dalam apa jua situasi sekalipun.

Kebebasan menuturkan puisi-puisi lisan mengikut situasi secara tidak langsung berfungsi sebagai hebahan pemikiran bangsa Melayu. Walau melalui satu rangkap mahupun selebihnya rangkap, tersingkap makna yang mendalam yang mengandungi gagasan pemikiran yang terkandung dalam setiap rangkap puisi adalah berkaitan sifat dan juga tingkah laku manusia di samping menyemarakkan khazanah

budaya warisan Melayu. Setiap satu bentuk puisi lisan mempunyai fungsinya yang berbeza mengikut situasi dan disampaikan melalui bahasa lingua franca, iaitu bahasa Melayu. Walaupun pada hakikatnya puisi disampaikan dalam bentuk komunikasi lisan atau verbal, namun nilai dan tujuan serta mesej yang ingin disampaikan dapat diterima oleh orang yang dituju.

3.0 Pantun

Pantun Melayu merupakan satu bentuk puisi lisan yang bersifat malar segar, dan popularitinya masih lagi bertahan sehingga ke hari ini. Sama ada dalam situasi formal, santai mahupun dalam sebarang majlis, pantun masih dekat pada jiwa bangsa Melayu. Gubahan kata serta kepadatan baris dan penggunaan frasanya yang sarat dengan unsur kiasan, falsafah, pedoman secara bersahaja menyerlahkan lagi bentuk pantun Melayu. Fungsinya yang umum sebagai luahan jiwa masyarakat, pantun bertindak sebagai penyampai, atau saluran bagi menggambarkan perasaan sedih, hiba, kecewa, rindu ke dalam bentuk bahasa indah dan terpilih yang disesuaikan dengan aspek persekitaran. Francois-rene dailie (1988) menyimpulkan pantun sebagai suatu intisari kehidupan dan alam yang diibaratkannya sebagai sebutiran pasir. Sebutiran pasir yang membawa makna merangkumkan keseluruhan nilai kehidupan dalam satu wahana. Segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah juga tentang cara hidup, pengalaman, adat resam, kebijaksanaan, kepercayaan, perasaan dicerapkan dalam puisi berangkap seperti pantun lisan Melayu. Namun, di sebalik luahan jiwa tersebut terpancar akan pemikiran bangsa Melayu mengenai kehidupan secara mutlak serta nilai pedoman yang terkandung dalam setiap rangkap yang dipertontonkan.

Menepati bentuk pantun Melayu, iaitu berangkap dua, empat, enam serta mempunyai baris pembayang dan juga maksudnya menjadikan pantun lisan Melayu sesuatu yang bernilai tinggi di samping memaparkan ketinggian intelek dan akal budi bangsa Melayu. Tidak kurang hebatnya pantun diujarkan juga sebagai satu hebahan warisan bangsa Melayu yang sarat dengan kebijaksanaan dan ketinggian ilmu masyarakat melalui rangkainya. Kepentingan pantun dalam warisan kebudayaan bangsa Melayu diakui tinggi nilainya. Demikian dipantunkan orang:

Di Selat Melaka melabuh pukak,
Banyak terubuk berserta udang;
Apabila tak ada pantun dan adat,
Banyak petunjuk akan dilupakan orang.
(Tenas Affendy, 2007)

Hilang pantun, hilanglah jati diri bangsa. Begitu bermakna dan pentingnya pantun dalam kehidupan bangsa Melayu. Selain pantun, kepentingan adat dalam kehidupan masyarakat turut digariskan dalam contoh pantun di atas. Adat menjadi petunjuk bagi kelangsungan hidup bangsa. Tanpa adat, runtuhlah sendi bangsa. Bagi memperteguhkan pantun, di samping memperteguhkan adat, bayangan pembayang suasana persekitaran pada waktu itu adalah suasana kesibukan aktiviti kelautan dan pesisiran. Sebagaimana diucapkan melalui pantun tersebut, melabuh pukak di Selat Melaka menggambarkan situasi masyarakatnya yang akrab dengan alam maritim. Selat Melaka menjadi laluan perhubungan perdagangan yang aktif ekoran kedudukannya yang terletak dipertengahan laluan perdagangan khususnya antara China dan juga India. Kedudukan Selat Melaka pada waktu itu bukan sahaja menjadi

pilihan pedagang, bahkan membawa kepada percambahan hub pelabuhan kawasan sekitarnya dan menjadikan beberapa kawasan di sekitarnya berkembang sebagai pelabuhan utama antaranya Melaka. Pantun disamaertikan dengan adat dalam hidup bangsa Melayu. Fungsi pantun dalam kehidupan untuk menyampaikan sesuatu merangkap adat bagi kelangsungan hidup seorang.

Pantun lisan Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai adat, pantun juga mempunyai pelbagai fungsi mendidik dan menasihati anggota masyarakat secara tidak langsung. Menurut A. Halim Ali, Mohd Rosli Saludin dan Mana Sikana (2011) menjelaskan pantun lisan Melayu merupakan alat untuk menggambarkan minda, pemikiran serta pandangan hidup bangsa Melayu. Di samping gambaran masyarakat, pantun juga menurut beliau merupakan alat untuk menguji ketajaman minda melalui pantun teka-teki, juga turut digunakan dalam kegiatan seni, keagamaan dan juga adat istiadat. Pantun turut berfungsi sebagai medium pendidikan melalui sindiran, kiasan. Pantun turut berperanan dalam jenaka dan permainan yang membawa fungsi hiburan serta alat komunikasi dan menyampaikan rasa hati seseorang. Kepelbagaian fungsi pantun dalam kehidupan masyarakat dan bangsa Melayu mencakupi keseluruhan hidup bangsa Melayu.

Yang kurik kundi,

Yang merah saga;

Yang baik itu budi,

Yang indah itu bahasa.

(Kurik Kundi Merah Saga, 2002)

Pemikiran Melayu berhubung konsep akal budi dalam pantun Melayu seringkali diketengahkan. Pada pembayang pertama, kundi digambarkan sudah kurik, iaitu berkeadaan berbintik-bintik dan lusuh. Kundi pula merupakan biji saga yang selalunya digunakan untuk menimbang emas. Bertentangan pula pada bahagian rangkap pembayang yang kedua, menunjukkan buah saga yang berwarna merah. Kedudukan kundi dan buah saga dalam bayangan pantun tersebut menunjukkan tanggapan bangsa Melayu terhadap persekitaran dan menyatakan sesuatu yang tersirat berdasarkan pemerhatian yang mendalam terhadap sesuatu perkara dalam kehidupan seharian. Pandangan hidup terhadap budi dan bahasa menentukan kemunculan bait-bait kata puitis melalui pantun. Budi yang baik akan selalu dikenang orang dan keindahan bahasa menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Elok bahasa, eloklah sifatnya. Selain pantun tersebut, terdapat beberapa buah pantun turut mengetengahkan nilai budi dalam kehidupan seharian. Antaranya:

Anak teruna menanam betik,
Buah cempedak dalam raga;
Apalah guna berwajah cantik,
Kalau kurang budi bahasa.

Banyak ubi perkara ubi,
Ubi Daik saya tanamkan;
Banyak budi perkara budi,
Budi baik saya kenangkan.

(Kurik Kundi Merah Saga 2002)

Budi adalah sebuah perlakuan yang diterima baik pada mata kasar manusia. Al-Quran menyebutkan budi sebagai adab, sopan santun. Budi merangkumi hati dan jiwa serta peribadi sesebuah bangsa. Aminuddin Mansor (2015) menegaskan orang yang berbudi ialah orang yang bijaksana, pandai, baik tingkah laku serta perangainya. Selain memaparkan nilai budi, pantun lisan Melayu juga berfungsi dalam memberi nasihat, sindiran teguran bahkan turut berfungsi sebagai bahan jenaka. Antara pantun lisan yang menekankan perihal agama dalam menyatakan perasaan adalah:

Tidak tumbuh tidak melata,

Patah galah dalam padi;

Tidak sungguh kehendak kita,

Perintah Allah juga yang jadi.

(Kurik Kundi Merah Saga 2002)

Dalam menyampaikan luahan jiwa, pantun juga bertindak sebagai pemancar kepada adat dan peraturan-peraturan bermasyarakat. Pantun lisan Melayu turut berfungsi sebagai wahana penyampaian adat. Dalam rangkap yang tersusun indah, penggunaan bahasa yang melankolik, membuat halwa telinga pendengar, adat disampaikan dengan penuh tertib. Penyampaian adat dalam ungkapan pantun bukan sahaja memudahkan pemahaman pendengar untuk memahami adat, malahan sebagai suatu kebijaksanaan bangsa Melayu dalam memilih perkataan yang selalunya berhubung dengan alam kehidupan mereka seharian agar ianya mudah

diterima dan difahami oleh pendengar, iaitu anggota masyarakat. Antara pantun lisan yang mengetengahkan pemerihaln adat dalam kehidupan adalah:

Ada sirih ada pinang,
Nantikan gambir dengan kapur;
Sudah dipilih sudah dipinang,
Hanya menanti ijab kabul.

Bagaimana hendak menjahit,
Hendak menjahit jari pun rempak;
Bagaimana saya nak naik,
Tuan rumah belum nampak.
(*Kurik Kundi Merah Saga 2002*)

Adat dalam kehidupan bangsa Melayu mencakupi tatasusila hidup sebagai seorang manusia. Petikan pantun lisan tersebut merupakan sebahagian adat dalam kehidupan bangsa Melayu, iaitu adat pertunangan dan juga adat bertandang ke rumah seseorang. Adat dalam sesebuah perkahwinan Melayu yang dimulai dengan upacara merisik, bertunang, akad nikah, dan bersanding dimulai dengan penggunaan pantun sebagai pembuka bicara dalam budaya masyarakat Melayu. Segala perlakuan, tindak tanduk seseorang terikat dengan adat dan budaya yang diterima pakai sejak sekian lama. Ungkapan yang mengandungi maksud tersirat sarat dengan pemikiran dan akal budi bangsa Melayu yang kreatif dan unik di samping menyentuh sifat alamiah masyarakat pada waktu tersebut. Unsur alam yang diwujudkan dalam setiap puisi

lisan Melayu termasuklah juga pantun merupakan aspek kelisanan puisi yang diperkatakan oleh Ong (1982), iaitu *close to human lifeworld*. Dalam budaya lisan, setiap pernyataan yang ditimbulkan seharusnya atau serba sedikit memasukkan dan menggunakan amalan dan kehidupan semasa atau *develops around the action of human*. Begitu juga melalui gambaran yang diketengahkan oleh Noriah Taslim (2010) bahawa persekitaran wujud sebagai satu masyarakat yang besar, objek dan fenomena alam ditafsirkan sebagai anggota kepada masyarakat tersebut yang berinteraksi antara satu sama lain seperti masyarakat manusia.

Pemikiran terhadap budi pekerti, perasaan hati, luahan jiwa menghiasi seni berpantun Melayu. Pantun Melayu sebagaimana yang dikenali merupakan sebuah puisi yang tidak pernah luntur dalam jiwa dan minda bangsa Melayu khususnya. Pemikiran yang tercerap melalui pemaknaan dalam setiap rangkap pantun mencerminkan bangsanya yang sarat dengan nasihat, ilmu dan pengalaman hidup. Oleh sebab yang demikian, hampir kebanyakan orang Melayu yang hebat berpantun melibatkan seseorang yang sudah lewat usia jika dibandingkan dengan orang-orang muda atau remaja. Logika kebijaksanaan orang yang berpantun dan kehendak untuk mengekalkannya secara warisan dan untuk menyemarakkan rantaian kebijaksanaan secara bersama, susunan dan pengekal bentuk puisi lisan diperhebatkan untuk terus malar segar sehingga ke hari ini. Renungan dan pemikiran yang terkandung dalam ungkapan berlisani salah satunya pantun, menggambarkan satu hubungan yang terbaik manusia dan alam persekitarannya.

4.0 Peribahasa

Peribahasa Melayu menyampaikan sindiran, kiasan bahkan turut meluahkan rasa hati fikiran sebagaimana pantun. Aminuddin Mansor (2015) turut menyatakan bahawa orang Melayu melahirkan rasa hati dan fikiran mereka melalui pantun dan peribahasa sebagai menggambarkan perasaan dan pandangan mereka. Namun, fungsi yang lebih saintifik berhubung peribahasa dalam konteks pemerksaan bangsa Melayu adalah lebih kepada sindiran dan kiasan yang menggunakan perlambangan alam sekeliling manusia. Bandingan, teladan dan pengajaran yang terkandung melalui peribahasa melambangkan kekreatifan dan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu dalam menggabungkan pemerhatian terhadap alam kehidupan kepada teguran dan kiasan kepada anggota masyarakat atau khalayak. Za'ba (1962) pula memberikan tafsiran peribahasa sebagai susunan cakap pendek yang telah melekat sejak sekian lama kerana bunyi bahasanya yang sedap didengar, bijak perkataannya, luas, dan benar tujuannya yang dijadikan sebagai bandingan, teladan dan juga pengajaran. Penggolongan peribahasa menurut Harun Mat Piah (1997) melalui tafsiran yang dikemukakan oleh Za'ba (1962) adalah peribahasa tergolong sebagai bidalan atau pepatah, sebagai perbilang, perumpamaan, sebagai lidah pendeta, kiasan, tamsil dan ibarat, hadir dalam bentuk dua baris berima dalam bentuk pantun dua baris, dalam bentuk pantun empat baris. Namun, secara tuntasnya peribahasa Melayu adalah merupakan cakap orang dahulu-dahulu yang menggunakan kiasan dan teguran dari pancaindera melihat, mendengar dan merasai sendiri setiap perkara yang berlaku dalam alam kehidupan seharian mereka. Kebijaksanaan bangsa Melayu khususnya dalam menjalin patah kata dan cerapan alam persekitaran dalam bentuk bahasa melambangkan ketinggian pemikiran dan falsafah hidup bangsa Melayu.

Peribahasa Melayu melambangkan pemikiran Melayu yang bijaksana dalam menyusun kata bagi mencapai maksud walupun dalam tujuan menyindir atau kiasan. Teguran secara bersahaja, bersopan terhadap seseorang bukan hanya bertujuan menjaga hubungan malahan mengelak dari mengguriskan hati orang yang ditegur. Keperibadian unggul yang dimiliki oleh bangsa Melayu ini adalah menggambarkan betapa kukuhnya silaturrahim dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan fungsi peribahasa sebagai alat sindiran dan teguran yang ditujukan kepada ahli keluarga bahawasanya walau berlaku sebarang pergaduhan atau perasaan tidak berpuas hati, ikatan kekeluargaan yang terjalin tidak akan pernah putus sebagaimana sifat yang dimiliki oleh pokok kiambang yang kembali bertaut di permukaan air. 'Biduk lalu kiambang bertaut' dalam koleksi peribahasa Abdullah Hussain (1989) adalah situasi dimana 'biduk' sejenis perahu melalui kawasan yang dipenuhi oleh pokok kiambang. Pokok-pokok kiambang terkuak ketika biduk tersebut melaluinya akan tetapi kembali bertaut setelah biduk tersebut melepaskannya. Pengalaman dan pemerhatian terhadap unsur alamiah pada waktu itu mencetuskan idea dan falsafah hidup bangsa Melayu terhadap situasi dua pihak yang berselisih, pasti akan berbaik semula setelah pengacum atau orang yang mendatangkan perselisihan yang diumpamakan sebagai biduk itu pergi.

Selain menegur perilaku yang tidak disenangi, peribahasa Melayu turut membawakan kepelbagaian rangkap dan bentuk dalam menyampaikan maksud dan tujuan yang tertentu. Beberapa fungsi peribahasa telah digariskan oleh Harun Mat Piah (1997) antaranya sebagai pernyataan nilai masyarakat, sikap dan pegangan hidup setiap anggota masyarakat dan juga sebagai kepelbagaian cara hidup seperti

pengajaran, persekitaran. Pengalaman hidup secara tidak langsung menimbulkan daya cipta peribahasa dan disampaikan oleh orang-orang yang arif kepada khalayak. Orang-orang yang arif adalah merupakan sumber yang mewujudkan peribahasa sebagaimana pandangan Abdullah Hussain (1989) menyatakan bahawa bersumberkan pengalaman hidup, orang-orang arif dan kitab suci mewujudkan peribahasa Melayu yang tinggi falsafahnya dan masih berupaya diterima baik oleh masyarakat setempat. Orang yang bijaksana serta arif adalah mereka yang mempunyai pengalaman yang mendalam dalam hidup dan mempunyai mata hati yang kritis terhadap sesuatu yang berlaku dalam kehidupan. Berikut merupakan beberapa contoh peribahasa yang mengungkapkan pengalaman hidup dan teguran kepada khalayak.

Ikut suka luka,

Ikut hati mati,

Ikut rasa binasa.

(Za'ba, 1962)

Laksana bunga dedap,

Sungguh merah berbau tidak.

(Abdullah Hussain, 1989)

Berikut merupakan beberapa contoh peribahasa yang mengungkapkan keindahan dan kejadian alam persekitaran, serta ketinggian pandangan hidup sebagai perlambangan menjadi kritikan dan teguran kepada khalayak. Fungsi dan penyebaran peribahasa Melayu yang disampaikan oleh orang-orang yang arif, orang dewasa melalui pengalaman hidup merupakan suatu seni bahasa yang kritis dan kreatif.

Peribahasa pertama menekankan kepada teguran serta nasihat kepada seseorang agar bertindak mengikut akal fikir yang waras. Hati dan perasaan seringkali menipu terutama dalam membuat sebarang keputusan. Justeru, pemilihan dan tindakan yang baik adalah dengan mengikut akal fikir yang waras. Peribahasa seterusnya mengkritik seseorang yang berperwatakan menarik dan cantik akan tetapi tiada budi bahasa dan tidak beradab. Bunga dedap yang bewarna merah begitu cantik dipandang dari jauh dan menarik pada pandangan mata kasar. Akan tetapi, kecantikan bunga hanyalah dari pandangan mata kasar sahaja kerana ianya tidak berbau. Walaupun dengan melihatnya ianya sangat cantik sehingga diumpamakan namun - tidak berbau untuk dinikmati, begitu juga dengan manusia yang tidak hanya dipandang secara luaran.

Menepati kehendak dan fungsi peribahasa, yakni sebagai suatu teguran dan sindiran kepada khalayak memperkasakan warisan puisi lisan Melayu sebagai puisi yang mencerminkan nilai bangsa Melayu dan ketinggian pemikiran bangsanya. Hampir kebanyakan peribahasa Melayu hadir bersama teguran yang dikesampingkan dengan alam persekitaran, atau merangkumi keseluruhan kehidupan bangsa. Selari dengan pandangan ini, Winstedt (1960) mencirikan bahasa kebanyakan peribahasa yang dihasilkan oleh orang-orang Melayu lebih menyangkut soal alam sekitar yang sesuai dengan kehidupan bangsa Melayu. Justeru, dalam hubungan ini keperkasaan puisi peribahasa Melayu adalah melambangkan watak dan sifat sesuatu bangsa yang sampaikan melalui fungsinya sebagai kritikan.

5.0 Mantera

Kehidupan masyarakat Melayu pada peringkat awalnya mengandungi kepercayaan terhadap kuasa magis. Mereka percaya bahawa setiap apa yang berlaku, sesebuah kawasan mempunyai penjaganya. Justeru, dalam mengadaptasikan kehidupan yang sedemikian, bunyi bahasa, mainan kata yang berunsurkan magis diwujudkan. Mantera, diwujudkan atas dasar kepercayaan masyarakat lama. Disebalik penyampaian, luahan, seni kata yang digunakan terpancar keperksaan mantera sebagai sebuah khazanah warisan bangsa Melayu. Berfungsi sebagai penghubung antara dunia realiti dan alam ghaib. Keperksaan bangsa Melayu melalui puisi mantera yang menghubungkan alam realiti alam ghaib adalah salah satu penyerlahan keilmuan dan pengalaman bangsa Melayu sejak awal dahulu. Mantera yang juga tergolong sebagai sebuah puisi lisan melalui ciri kelisanan seperti perhubungan yang erat dengan alam persekitaran, *world view* masyarakat Melayu, mempunyai unsur perulangan dan pertindaan khususnya dari segi ayat serta pemilihan perkataan, bersifat tradisi dan yang terakhir adalah bersifat partisipatori dalam konteks pengucapannya oleh orang-orang yang tertentu sahaja seperti pawang atau bomoh. Sifat sakral yang dipunyai oleh puisi mantera adalah kerana menurut Mohd Rosli Saludin (2007), mantera berhubung dengan sikap religus manusia yakni keagamaan yang dianuti mereka pada waktu itu. Kepercayaan terhadap semua unsur seperti bukit, sungai, kilat, ribut dan sebagainya khususnya pada zaman awal sebagai unsur yang hidup menjadikan mantera sebagai satu keperluan dalam kehidupan masyarakat (Haron Daud 2009).

Disebalik pemerksaanya dari segi seni bahasa, mantera memainkan peranannya sebagai sebuah penegasan. Penegasan diwujudkan bagi menimbulkan kesan emosi, serta bagi merealisasikan emosi serta tujuan yang tertentu. Penegasan yang mempunyai tujuan dan fungsi yang tertentu menjadikan mantera diyakini mempunyai kuasa magis malahan memerlukan orang-orang yang tertentu sebagai perantaranya. Bomoh, pawang atau dukun adalah gelaran yang digunakan sebagai perantara tersebut. Antara fungsi yang terdapat dalam mantera Melayu adalah sebagai pendinding diri, mentera pembantu dalam pekerjaan, mantera perubatan dan sebagainya yang sifatnya menghubungkan alam ghaib. Antara fungsi mantera yang terdapat dalam khazanah puisi lisan Melayu adalah mantera pakaian diri di bawah:

Bismillahirrahmanirrahim
Ribu-ribu sepanjang jalan
Anak buaya menyeberang tasik
Dalam seribu orang berjalan
Aku seorang yang cantik
Bukan kuasa aku kuasa Allah
Bukan kata aku kata Muhammad
Dengan berkat doa
Lailahailallah Muhhammadurr Rasulullah
(Haron Daud, 2004)

Mantera pemanis dalam contoh tersebut merupakan mantera pakaian diri. Dalam melaksanakan fungsinya sebagai mantera pemanis, atau mantera pakaian diri, penyeruan terhadap kuasa yang mendorongnya oleh pawang atau bomoh. Gaya

bahasanya yang bersifat penegasan terutamanya pada permulaan ayat menimbulkan kuasa seruan terhadap dunia ghaib sebagai pembantu dalam kemujaraban mantera yang berkenaan (Harun Mat Piah 1997). Disebalik fungsinya yang berbeza, seni bahasa mantera yang digunakan menunjukkan keperkasaan, keistimewaan dan juga kehebatan seni warisan Melayu tersebut. Penegasan melalui gaya bahasa yang berulang juga secara tidak langsung memperkukuhkan puisi mantera dalam kebudayaan dan kehidupan bangsa Melayu.

Assalamu 'alaikum mak bumi

Akulah anak panah Sang Ranjuma

Aku panah langit, langit tembus

Aku panah laut, laut kering

Aku panah api, api padam

Aku panah awan, awan hancur

Aku panah gunung, gunung runtuh

Aku panah kayu, kayu tumbang

Aku panah batu, batu pecah

Aku panah jin dan manusia

tembus dari jantung ke limpa.

(Haron Daud 2004)

Perulangan kata khususnya pada pangkal ayat membawa penegasan tujuan mantera. Sebagai sebuah puisi yang berfungsi sebagai komunikasi antara dunia realiti dan ghaib, mantera Melayu tampil sebagai pelengkap dalam kehidupan bangsa Melayu yang masih lagi kuat berpegang pengaruh kepercayaan animisme yang wujud pada waktu itu. Za'ba (1965) menyatakan perkaitan antara kepercayaan bangsa

Melayu adalah rentetan dan perjalanan zaman yang dihadapi oleh suku bangsa Melayu sejak sekian lama. Tanggapan dan kepercayaan seumpama animisme iaitu semua benda mempunyai semangat, serta kepercayaan kepada 'roh' dan para dewa yang berkuasa membawa mereka mencari sesuatu yang lebih kuat bagi membantu atau melindungi mereka untuk berhadapan dengan alam sekeliling (Haron Daud 2009). Situasi tersebut membawa mereka untuk lebih mempercayai adanya kuasa ghaib yang boleh membantu mereka. Mantera Melayu hadir dalam pelbagai suasana yang memerlukannya. Dari sekecil-kecil keperluan sehinggalah melibatkan sebesar-besar keperluan, mantera hadir bagi melengkapkan keperluan yang diperlukan. Dari dalam perut, mantera melengkapi kehidupan bangsa. Keadaan ini dizahirkan melalui mantera perbidanan, iaitu selusuh bagi memudahkan si ibu untuk bersalin.

Tetak duri, pagar duri

Tetak dengan cara-caranya

Keluar uri dengan temuninya

Keluar dengan orang-orangnya

Tawar Allah, tawar Muhamamd

Tawar sekalian anak cucu Adam

Berkat doa Lailahailallah

Selawat 3 kali

(Haron Daud, 2004)

Berikut merupakan salah satu contoh mantera selusuh yang dikatakan mampu memudahkan urusan bagi ibu-ibu untuk bersalin. Jika dilihat dari contoh mantera tersebut, terdapat unsur keagamaan yang bertepatan dengan peralihan zaman bangsa Melayu, iaitu dari kepercayaan kepada unsur animisme sehinggalah

kepada kepercayaan kepada Agama Islam yang datang selepasnya. Proses kelahiran adalah sesuatu yang sukar dan mencabar bagi ibu-ibu dan keadaan tersebut meletakkan nyawa ibu dan bayi dalam keadaan bahaya. Dalam konteks kepercayaan, meletakkan mantera sebagai suatu keperluan. Antara manntera yang paling dominan digunakan oleh masyarakat lisan adalah mantera pakaian diri. Daripada 280 judul mantera yang diteliti, sebanyak 50 peratus tergolong dalam mantera pakaian diri, dan daripada jumlah tersebut sebanyak 30 peratus tergolong sebagai 'pemanis' dan 'pengasih' (Harun Mat Piah, 1977).

Keperksaan warisan Melayu melalui puisi mantera dilihat berdasarkan kepelbagaian fungsi mantera dalam kehidupan masyarakat. Antaranya adalah mantera pakaian diri, merangkumi mantera penguat badan dan kebal, mantera pendinding, mantera penggerun, mantera penunduk, mantera perubatan, mantera pemanis, dan juga mantera pengasih dan juga pembenci. Selain mantera pakaian diri, mantera dalam konteks perbomohan dan perubatan diserikan dengan mantera penyakit biasa, penyakit bahaya, sakit urat serta patah tulang, mantera gangguan makhluk halus, penyakit angin, terkena dihir dan juga mentera perbidanan turut menjadi keperluan pada waktu itu. Selanjutnya mantera pembantu dalam ekonomi seperti bersusuk tanam, menangkap ikan dan juga beberapa pekerjaan lain seperti nelayan dan sebagainya. Selain digunakan sebagai kegunaan untuk diri sendiri, keluarga mantera Melayu juga terdapat dalam beberapa upacara seperti upacara membuka panggung, persembahan makyung dan sebagainya. Sekilas dilihat bahawa mantera Melayu melengkapi keseluruhan aspek kehidupan manusia sejak dari zaman dahulu dan hakikatnya ianya masih lagi diamalkan di beberapa daerah. Melalui penggunaan bahasanya yang terpilih, dan kebanyakan dituturkan secara berulang bagi

menghayati dan memperkukuhkan pemilihan kata mantera tetap bertahan melalui keindahannya yang tersendiri.

6.0 Teromba

Teromba Melayu adalah satu peraturan adat. Puisi adat dan undang-undang tertakluk bagi masyarakat yang berpegang kepada tatacara adat seperti di beberapa buah negeri di Semenanjung Melayu. Masyarakat beradat yang berpegang kepada adat Minangkabau bagi masyarakat di Negeri Sembilan khususnya daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu serta Seremban dan juga beberapa buah daerah di Melaka seperti daerah Nanning dan juga Alor Gajah (Mohd. Rosli Saludin, 2007). Adat Minangkabau merangkumi adat Perpatih dan juga adat Temenggung, akan tetapi adat Temenggung yang dimaksudkan bukanlah seperti fahaman negeri-negeri lain, iaitu yang disesuaikan dengan hukum syarak mengikut Mazhab Shafie (Abdullah Siddik, 1975). Adat Temenggung bagi masyarakat beradat adalah mengikut perlembagaan adat dan undang-undang Adat Minangkabau.

Teromba membawakan fungsinya sebagai nilai dan pegangan hidup berdasarkan adat-adat yang termaktub sejak sekian lama. Keindahan sesebuah teromba berdasarkan fungsinya terletak pada kepelbagaian unsur bahasa yang dicernakan bersama nilai dan pemikiran di dalamnya (Mohd Rosli Saludin 2009). Teromba melengkap hidup dalam pelbagai situasi antaranya majlis jamuan, majlis perlantikan ketua atau pemimpin dan sebagainya. Dalam situasi yang sedemikian, mewujudkan beberapa fungsi teromba dalam keseluruhan hidup masyarakatnya. Antaranya melalui pembahagian wilayah adat yang disampaikan dalam bentuk teromba. Ketua-ketua adat seperti Datuk Temenggung Bendahara Kaya dan Datuk Perpatih Pinang Sebatang mempunyai kuasa-kuasa ke atas wilayah yang

dibahagikan antara pesisir dan juga daratan. Abdullah Siddik (1975) turut menjelaskan adat Temenggung lebih banyak digunapakai di wilayah dan daerah-daerah pesisir, iaitu kawasan lembah yang lebih rendah, di pesisir laut, serta adat Perpatih pula banyak digunapakai di kawasan pedalaman. Fungsi teromba bagi pembahagian kekuasaan dapat dilihat dalam seni kata di bawah:

Menghilir ke Kampar Kiri:

Tempat air bergelombang

Tempat ombak memecah

Tempat pasir memutih

Tempat beting yang menyulur

Tempat pulau yang memanjang

Tempat dagang keluar masuk

Tempat saudagar jual beli

Siapa yang empunya?

Datuk Temenggung Bendahara Kaya.

Menghulu ke Kampar Kanan:

Tempat air segantang selubuk

Tempat pasir tambun-menambun

Tempat bau hampar-menghampar

Tempat akar berjambut daun

Tempat kayu bersanggit dahan

Tempat tupai turun naik

Tempat kera berlompat-lompat

Tempat beruk bebuai kaki
Tempat sipapas berulang mandi
Tempat di dengking berulang tidur
Tempat enggang terbang laju
Tempat ular tidur berlengkar
Tempat musang tidur bergelung
Tempat katak berbunyi malam
Tempat siamang berguguan
Tempat ungka bersayu hati
Tempat Pontianak berjerit-jeritan
Tempat gunung yang tinggi padang yang luas.

Kemudian dipandang pula padang yang luas:

Tempat binatang dua kaki
Tempat jauh gagak hitam
Tengok dekat gagak putih
Sayapnya panjang kepaknya lebar
Membumbung tinggi
Menggelebang menyisir awan
Hinggap kayu meranting
Mana yang jauh tampaklah dia.
Maka pulanglah negeri itu
Kepada Datuk Perpatih Pinang Sebatang.
(Mohd Taib Osman, 1975)

Pembahagian adat yang dipunyai oleh Datuk Perpatih di pedalaman atau pergunungan dan juga Datuk Temenggung yang menguasai wilayah pesisiran menjadi satu warisan Melayu. Bagi masyarakat beradat perpatih dan juga temenggung, keperluan mengikuti dan mentaati kepimpinan adalah pegangan masyarakat beradat tersebut. Menepati fungsi teromba untuk menggariskan norma-norma adat yang mesti diterima dan diamalkan oleh anggota-anggota masyarakat (Harun Mat Piah, 1997). Keindahan susunan kata dalam menyampaikan maksud menjadi satu warisan bangsa Melayu yang tinggi nilainya. Walaupun dalam konteks lisan, buta huruf mereka masih lagi berupaya mengangkat keindahan alam ciptaan dan persekitaran dengan sangat baik. Jelas tergambar dalam pepatah teromba di atas akan keindahan estetika yang dituturkan amat berirama dan puitis. Disebalik estetika teromba terukir teguh maksud yang ingin diketengahkan. Nordin Selat (1976) menjelaskan keseragaman dan kelainan penyusunan kata dalam rangkapan teromba terukur teguh idea disebaliknya.

Teromba Melayu juga melengkapinya dalam majlis-majlis perkahwinan. Teromba dalam majlis perkahwinan diucapkan secara berperingkat, iaitu bermula dari majlis merisik, menghantar tanda, bertunang, menjemput tetamu dan seterusnya sehinggalah ke majlis persandingan. Dalam struktur ini, adat telah menetapkan suatu rangka penyusunan betingkat-tingkat dengan atur cara tersendiri (Mohd. Rosli Saludin 2007). Begitu juga dalam majlis perlantikan ketua adat yang mencirikan tentang cara dan persediaan untuk membuat sesuatu majlis. Majlis berhelat merupakan tindakan menjemput ketua-ketua adat, Lembaga, Buapak dengan penuh adab. Dan pada ketika itulah beberapa teromba dituturkan dan diucapkan berdasarkan situasi.

Sudah terususun rupanya sirih
Sudah berkacip rupanya pinang
Sudah putih rupanya kapur
Sudah kuning rupanya gambir
Sudah terkumpul rupanya tembakau
(Mohd. Rosli Saludin 2007)

Teromba menghargai tetamu dalam contoh di atas melambangkan ketertiban masyarakat beradat menghargai tetamu. Walaubagaimanapun, sebelum majlis berlangsung, tuan rumah perlulah mengisi kehendak adat dan keperluan seperti memperbaiki rumah dan kampung, menyediakan tempat duduk tetamu kehormat, mempelawa tetamu, dan disertai pula dengan kemahuan adat, iaitu dengan mengenakan tunggul merual, keris pedang, tombak dan perisai serta memeriahkan majlis dengan gendang serta silat dan seterusnya Adat berhelat dimulai setelah kemahuan dan keperluan adat ditunaikan, demikian bunyinya 'kok Adat sudah beratur, Kok bilang sudah bertentu' (Mohd Din Ali, 1957 dan Harun Mat Piah, 1997).

Di samping itu, fungsi teromba sebagai peraturan adat diungkapkan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh ahli beradat. Antaranya kepentingan menjaga keperluan dan undang-undang dalam bersuku dan beradat sebagaimana ditampikan dalam contoh di bawah:

Adat berkampung, kampong dipertahankan
Adat bersuku, suku dipertahankan.

Menukik ke bumi menjadi benar

Jatuh ke laut menjadi empangan

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung

Alam terkembang jadikan guru.

Bila semenda dimana-mana suku

Sahlah kata adat

Ranting orang dipatah

Adat orang diturut

Di mana bumi dipijak

Di situ langit dijunjung

Masuk kandang kerbau menguak

Masuk kandang kambing mengembek

Bagaimana adat ditempat semenda

Dipakilah

Lain lubuk lain ikannya

Lain lubuk lain belalangnya

Alur sama diturut

Jalan sama ditempuh

Adat sama dipakai

Lembaga sama dituang

Meniru pada yang ada

Meneladan pada yang sudah.

(Rosli Saludin, 2007)

Masyarakat beradat disarankan untuk mempertahankan warisan adat yang telah tercipta sekian lama. Kiasan yang disampaikan dalam bentuk teromba berfungsi menggalakkan masyarakatnya mematuhi peraturan adat yang diterima dan digunakan selama ini. Walau dikenal dengan pelbagai nama, seperti terasul, tambo, perbilangan adat dan pepatah adat yang isinya yang menyeru ahli atau anggotanya mematuhi peraturan dan undang-undang adat. Kepentingan mempertahankan peraturan dalam masyarakat Minangkabau telah tumbuh sejak lama dahulu. Demikian menurut Mohd. Rosli Saludin (2007) masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam telah mempunyai peraturan yang mengajar tentang pentingnya nilai kemanusiaan yang berbudi luhur, hormat-menghormati, cinta-mencintai, tolong-menolong dan semangat kerjasama yang erat menjadikan ikutan masyarakat sehingga ke hari ini.

Puisi teromba Melayu lahir dengan keindahan bahasanya yang lembut, sopan. Fungsinya sebagai puisi undang-undang sedemikianlah telah menjadikan puisi teromba Melayu sebagai puisi milik masyarakat Melayu khususnya bagi masyarakat yang berpegangan teguh kepada adat perpatih dan juga adat Minangkabau. Walaupun penyebarannya agar terhad kepada kedua-dua kumpulan tersebut, namun ia tidak mengurangi keperluan mempertahankan adat dan warisan yang dimiliki secara bersama itu. Diwarisi secara turun temurun penggunaan teromba atau salasilah adat menurut Mohd Din Ali (1957) berlangsung dalam majlis-majlis perbincangan adat, istiadat meminang, nikah kahwin dan lain-lain majlis yang dianggotai oleh suku dan masyarakat beradat. Walaupun terdapat beberapa penjenisan teromba yang dikenalpasti seperti tambo, perbilangan adat dan sesomba, namun yang pasti puisi teromba, iaitu puisi yang bertindak sebagai perakam undang-

undang merupakan satu cara atau cara hidup yang lengkap khususnya bagi masyarakat Adat perpatih mahupun adat Temenggung.

7.0 Talibun

Puisi talibun atau sesomba adalah sebuah bentuk puisi yang menghiasi penyampaian cerita lisan Melayu. Barisnya yang tidak berurutan ekoran nada suara penuturnya yang tidak banyak berbah atau monotonous (Harun Mat Piah 1997). Tidak mempunyai kepelbagaian dalam penyusunan baris dan rangkap membolehkan puisi talibun bersifat memerikan sesuatu perkara dengan bebas. Talibun atau sesomba Melayu berfungsi sebagai pemerian, memperjelaskan sesuatu keadaan, keganjilan, kehebatan watak, kerajaan mahupun latar suasana. Harun Mat Piah (1997) mendefinisikan talibun Melayu dalam beberapa aspek yang hendak dihuraikan termasuklah pakaian, sesebuah negeri, istana bandar, kota, pemerian terhadap senjata atau lambang sesebuah negeri, rupa dan sifat serta kehebatan seseorang wira, pemerian tentang keadaan sesuatu perlakuan, adat dan sebagainya. Talibun juga memerikan tentang keadaan ghaib, keadaan alam, memerikan perasaan yang berhubung dengan sesuatu kejadian sama ada sedih, gembira, kecewa dan sebagainya. Talibun juga memenuhi erti pemerian adat, salasilah atau peristiwa yang berhubungan rapat dengan kelompok masyarakat.

Talibun juga berfungsi sebagai selingan dalam cerita-cerita prosa yang lebih kompleks sifatnya. Di sebalik peranannya sebagai pemerian, selingan puisi talibun berbentuk rangkap bertujuan bagi menarik minat pendengar. Tarikan audiens berdasarkan selingan puisi adalah merupakan satu teknik bijaksana masyarakat Melayu dalam memastikan cerita yang disampaikan diterima dengan baik sehingga

ke pengakhirannya. Peristiwa yang diceritakan dengan ungkapan pemerian, berulang-ulang dalam cerita tidak menimbulkan kebosanan, malahan menjadikan cerita semakin menarik dan berkesan (Harun Mat Piah 1997). Terdapat beberapa cerita penglipur lara yang menggunakan puisi talibun sebagai pemerian dalam mengindahkan bentuk cerita. Antaranya adalah cerita *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Raja Donan*, *Hikayat Seri Rama*, dan *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Selain berfungsi sebagai selingan dalam cerita tersebut juga, puisi talibun juga digunakan sebagai nyanyian khususnya dalam persembahan kesenian dan menjadi selingan dalam perbualan. Akan tetapi, fungsi talibun yang utama adalah lebih kepada pemerian dan selingan dalam cerita-cerita rakyat khususnya cerita penglipur lara Melayu (Harun Mat Piah, 1997).

Talibun kehebatan wira adalah salah satu fungsi yang mencirikan kehebatan watak utamanya. Antara cerita yang mengangkat kehebatan watak utamanya terdapat dalam cerita penglipur lara *Hikayat Awang Donan* dan juga *Hikayat Malim Demam*. Talibun yang memerikan kehebatan watak diujarkan dengan keindahan bahasanya. Kebijaksanaan orang Melayu dalam menjalin kata yang bersifat indah melambangkan masyarakatnya yang luar biasa pemikirannya. Demikian menurut Braginsky (1994) orang Melayu melihat keindahan sebagai sesuatu yang luar biasa, yang mengandungi kepelbagaian atau keragaman pernyataannya diatur atau diharmonikan dengan baik. Keindahan pemerian tentang kelahiran watak ditampilkan sebagaimana puisi di bawah.

Bagai belut diketil ekor

Bagai mayang mengurai

Jatuh ke tikar, tikar roboh

Jatuh ke lantai, lantai parah.

Pedang sebilah ditangan kanan

Telur sebiji di tangan kiri

Bedil selaras di bahu kanan.

(Zaharah Mohd. Khalid 1965)

Kehebatan dan keadaan luar biasa kelahiran watak Raja Donan ditampilkan dengan menggunakan kehebatan pemilihan kata yang indah. Kelahirannya diumpamakan sebagai keadaan belut yang diketil ekornya, sebagaimana mayang yang mengurai menunjukkan kehebatan watak yang ingin ditampilkan. Kisah kehebatan kelahiran watak wira dalam cerita menggambarkan keindahan kehebatan wira yakni sejak dari lahir sehinggalah wira membesar dan menjadi seorang pemuda atau puteri yang hebat dan cantik. Susulan dari peristiwa kelahiran, watak wira atau wirawati digambarkan pula melalui fasa pengembaraan. Sebagaimana pemerian pengembaraan watak Malim Demam dalam *Hikayat Malim Demam* menuju ke hulu Bandar Muar untuk memenuhi keinginannya menemui Puteri Bongsu.

Tempat jin yang banyak

Tempat shaitan yang banyak

Masok hutan keluar hutan

Masok padang keluar padang

Masok rimba keluar rimba

Bertemu changkat didakinya

Bertemu lurah sama dituruni

Habis hari berganti hari

Habis malam berganti malam

Habis bulan berganti bulan

Habis tahun berganti tahun

Bukan ia mencari buruan

Gajah dijumpa tiada ditembak

Rusa dijumpa tiada dikejar

Badak dijumpa tiada diturut

(Pawang Ana dan Raja Haji Yahya, 1970)

Perjalanan watak wira Malim Deman menuju ke Hulu Muar memenuhi amanat yang didatangkan dalam mimpinya. Kecantikan puteri Bongsu yang diperikan dalam mimpinya melalui Tuan Sayid membuatkan Malim Demam sanggup melalui hutan rimba, cabaran dan rintangan sepanjang perjalannya. Sepanjang perjalanan tersebut juga, terdapat beberapa halangan yang harus ditempuhi oleh Malim Demam seperti gangguan syaitan, halangan lapar dan dahaga sehinggalah tentera dan rakyat yang mengiringinya hilang dan meninggal seorang demi seorang ekoran bencana. Bujang Selamat antara orang yang paling rapat dengannya juga meninggalkan Malim Demam dan dia dikuburkan di dalam hutan bagi meneruskan perjalanan mencari isteri, iaitu Puteri Bongsu. Kecantikan puteri yang diperikan oleh Tuan Sayid dalam mimpi membuatkan Malim Demam menaruh perasaan rindu dendam yang tidak terbelah bahagi terhadap puteri tersebut. Kehebatan teknik penceritaan dalam cerita penglipur lara merupakan kehebatan orang Melayu dalam menampilkan kebijaksanaan.

Memerikan sesuatu secara jelas dan teliti adalah salah satu sifat yang dimiliki oleh puisi talibun Melayu. Pemerian terhadap sesuatu perkara yang ingin ditampilkan seperti pemerian perjalanan watak dan kelahiran watak yang dijadikan contoh dapat menjelaskan fungsi bahasa berangkap talibun dalam cerita penglipurlara Melayu. Pemilihan bahasanya yang ringkas, indah, lenggok bahasanya yang bersifat melankolik, memukau halwa telinga secara tidak langsung melambangkan kebijaksanaan bangsa Melayu dalam seni penyampaiannya. Keunggulan dan kehebatan seni dan kreativiti orang Melayu melalui puisi talibun melambangkan keperkasaan orang Melayu dalam teknik penyampaian secara lisan. Kesejagatan dan unsur tempatan seperti hutan, kera dan haiwan-haiwan yang terdapat dalam rangkap cerita itulah yang memperkasakan bangsa (Hanapi Dolah dan Shaiful Bhari Md. Radzi,2003).

8.0 Teka-teki

Puisi teka-teki tampil dengan genre puisi yang mempunyai isi dan fungsinya yang khusus. Fungsinya yang utama sebagai penduga akal meletakkan puisi lisan dalam bentuk yang terikat yang memerlukan soalan dan jawapan dari dua pihak. Nilai tradisi yang ditetapkan sedemikian melalui teka-teki menunjukkan kewibawaan puisi tersebut sebagai sebuah karya yang tidak lekang mudah dilupakan. Walaupun fungsinya lebih kepada menguji minda pendengar, disampaikan dalam waktu lapang atau santai namun masih lagi mengekalkan sifatnya yang kreatif dan puitis (Harun Mat Piah, 1997). Kekreatifan dan kepuitisan yang dimiliki oleh puisi tersebut secara tidak langsung menyerlahkan keperkasaan teka-teki Melayu.

Gambaran soalan yang menggunakan perlambangan di sekeliling mencerminkan pengalaman bangsa Melayu. Setiap benda yang dirujuk, diberikan sifat yang menarik melalui bahasa yang puitis dan indah. Demikian menurut Harun Mat Piah (1997) seorang pencipta adalah pemerhati yang sensitif terhadap kehadiran pelbagai benda disekelilingnya yang mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan bahan persoalan. Merujuk kepada pelbagai benda di sekeliling, seperti gunung, hutan, tumbuhan dan sebagainya sebagai bayangan soalan dan juga gambaran kepada jawapan yang dikehendaki.

Rumah tinggi bilek bertingkat,
Atap dan dinding sama sa-rupa,
Lamun puncha-nya sudah terikat,
Haram ta' takut di-goyang gempa.
(Sulaiman Muhammad Nur 1960)

Teka-teki yang menggambarkan rumah yang tinggi bertingkat dan atap dinding yang digambarkan serupa membawa maksud sebuah sarang tempua. Sarang tempua yang sifatnya sangat kuat melekat, dan tidak mudah goyah ketika dilanda gempa atau angin ribut yang kuat. Di sebalik fungsinya sebagai penduga akal, untaiian teka-teki yang menggunakan hampir keseluruhan kehidupan menunjukkan penciptanya adalah pemerhati yang sensitif terhadap kehadiran pelbagai benda di sekeliling (Harun Mat Piah 1997). Rujukan terhadap situasi alam, mahupun objek-objek yang berada di sekeliling mewujudkan teka-teki yang lebih menarik bagi mendapatkan jawapan. Pemerhatian terhadap keadaan sekeliling mewujudkan puisi teka-teki yang berfungsi menduga akal sebagaimana contoh teka-teki di bawah.

Si bongkok kena kejar,

Si bongkok juga yang mengejar.

(Inon Shahrudin Abdul Rahman 1988)

Gambaran yang bersifat konkrit seperti si bongkok, adalah salah satu dari ciri puisi teka-teki Melayu. Demikian menurut Inon Shahrudin Abdul Rahman (1988) teka-teki Melayu kebanyakannya adalah berkaitan dengan benda-benda yang konkrit kerana orang yang dihadapkan soalan atau teka-teki itu haruslah dapat menggambarkan gambaran daripada pembayang yang diberikan kepadanya. Si bongkok dalam teka-teki di atas membawa maksud sebuah fenomena alam iaitu 'ombak' yang digambarkan berbentuk seorang tua yang bongkok. Pandangan visual masyarakat, dari bentuk ombak yang bergulung, disama ertikan dengan seorang tua mahupun seseorang yang mempunyai bentuk badan yang membongkok.

Fungsi teka-teki adalah sama dengan genre-genre puisi yang lain. Selain berperanan sebagai alat komunikasi, hiburan, teka-teki juga lebih umum sifatnya sebagai penduga akal. Sebagai puisi yang menduga akal, teka-teki hadir dalam bentuk yang bebas rangkap dan barisnya. Perkara utama yang dipentingkan dalam rangkap puisi tersebut adalah adanya soalan dan juga jawapan bagi pihak khlayak pendengar. Permainan bahasa yang kreatif dengan menggunakan objek atau sesuatu yang berada disekeliling kehidupan manusia disampaikan dalam menyerlahkan fungsinya secara nyata. Justeru, penyerlahan puisi teka-teki sebagai satu bentuk puisi penduga akal menunjukkan keperksaan orang Melayu dari segi penyerlahan kebijaksanaan.

9.0 Seloka

Hadir sebagai suatu bentuk hiburan, menghiburkan seloka Melayu turut mempunyai fungsinya yang tersendiri. Walaupun fungsinya umum sebagai satu sindiran, namun dalam sindirannya terselit jenaka atau perasaan main-main. Seloka Melayu adalah seloka yang diwujudkan oleh masyarakat Melayu untuk menyatakan sindiran atau ejekan dengan menggunakan bahasa atau bentuk yang berangkap namun dalam nada yang bersenda gurau atau jenaka (Za'ba 1965). Seloka juga menjadi pembina kepada epik-epik India yang terbesar iaitu Mahabrata yang mempunyai 100 000 rangkap seloka dan Ramayana yang mempunyai 24 000 rangkap seloka (Harun Mat Piah, 1997). Seloka yang hadir dengan bentuknya yang bebas, tidak terikat tidak membataskan ungkapannya pada suatu bentuk yang kekal. Penentuan ciri-ciri yang utama adalah daripada maksud atau fungsinya yang bertindak sebagai menyindir akan tetapi sindiran yang digunakan diucapkan dalam nada yang berjenaka, serta penggunaan bahasa yang berkias namun mudah difahami oleh khlayak. Walaubagaimanapun, dalam konteks khazanah kesusasteraan Melayu lisan, puisi seloka yang ditemui tidak sebanyak puisi-puisi lisan yang lain. Antara puisi seloka dalam konteks perbendaharaan kesusasteraan Melayu adalah seloka Emak Si Randang. Seloka Pak Pandir, seloka Lebai Malang dan seloka Pak Kaduk.

Kebebasan bentuknya yang tidak terikat dengan bentuk yang tertentu menjadikan puisi seloka bebas menggunakan seberapa banyak rangkap dan rima yang tertentu. Namun, apa yang dipentingkan dalam sesebuah pengucapan seloka adalah mesej atau perkataannya seharusnya membawa pengertian menyindir dan percakapannya juga dalam nada gurau senda atau jenaka semata-mata. Pemilihan bahasa dan cara penyampaiannya menyerlahkan kebijaksanaan orang Melayu dalam

menyindir mahupun mengejek seseorang, namun masih lagi terbatas kepada adab sesama manusia. Sindiran yang ditujukan penuh dengan keindahan susunan bahasa bagi memastikan orang yang disindir atau dikiaskan tidak menjauh diri.

Baik budi emak si Randang

Dagang lalu ditanakkan

Tiada berkayu tanah diruntuhkan

Anak pulang kelaparan

Anak dipangku diletakkan

Kera di hutan disusui

(Za'ba, 1962)

Emak si Randang seorang yang baik budinya. Selalu menolong orang dan membantu namun bantuan dan pertolongan yang dikerjakannya itu adalah sesuatu yang di luar tanggungjawabnya. Berbuat baik dan berbudi pada orang lain atau orang luar tetapi, mengabaikan keluarga sendiri. Sebagaimana dinyatakan dalam puisi seloka 'anak pulang kelaparan' namun dagang yang datang segera ditanakkan. Begitu juga melalui kiasan dan sindiran 'anak dipangku diletakkan' manakala kera di hutan disusui. Kehebatan bangsa Melayu dalam menyindir dan menyampaikan kiasan dengan menggunakan dua unsur perlambangan yang sangat berbeza sifat dan perlakuannya, iaitu anak manusia dan juga anak kera. Perlambangan yang digunakan menunjukkan betapa tidak menyetujui tindakan yang dilakukan seseorang melalui watak emak Si Randang yang lebih mengutamakan orang lain berbanding anak sendiri, malahan diumpamakan mengutamakan kera di hutan berbanding anak sendiri.

Sindiran yang tajam lagi menusuk jiwa digunakan untuk menjadikan khalayak lebih memahami dan dapat menghayati seloka tersebut. Penggunaan kera di hutan disusui digunakan agar khalayak dapat menyedari tindakannya salah dan menyeru agar tidak sesekali mencontohi sikap emak Si Randang.

Keperksaan Melayu melalui puisi tersebut dilihat melalui penggunaan perlambangan serta makna kiasan yang terkandung sebagai isu yang utama. Fungsinya sebagai sindiran, akan tetapi dihadirkan dengan keindahan bahasanya yang berangkap, perlambangan-perlambangan tertentu memudahkan fungsi teguran dan ejekan itu diterima. Di sebalik teguran, kritikan yang ditampilkan tersirat pengajaran kepada pendengar yang lain agar tidak meniru perbuatan emak Si Randang. Dengan nada yang bergurau senda, namun maknanya amat tajam dan ada kalanya boleh menghiris perasaan orang yang dituju.

10.0 Kesimpulan

Puisi adalah ciptaan terawal orang Melayu. Diwujudkan dengan bahasanya yang ringkas, mudah mereka meluahkan sahaja perasaan, keadaan dalam bentuk bahasa mudah sama ada dilagukan atau puisikan. Akan tetapi, setiap ciptaan yang diwujudkan itu mempunyai fungsinya yang berbeza. Antaranya pantun sebagai luahan jiwa, peribahasa sebagai teguran, mantera sebagai penghubung alam realiti dengan alam ghaib, teka-teki sebagai penduga akal, teromba sebagai peraturan atau undang-undang dan juga talibun sebagai pemerian. Kepelbagaian fungsi yang dimiliki dalam setiap bentuk puisi lisan Melayu menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu menyatakan sesuatu perkara. Keluhan jiwa, kritikan, sindiran, falsafah hidup, teguran yang terdapat dalam bentuk puisi melambangkan ketinggian falsafah dan pemikiran

bangsanya melalui kreativiti bahasa. Peneguhan terhadap ketinggian akal budi orang Melayu dalam menegur, mengkritik, menduga akal, meluahkan menunjukkan keperkasaan orang Melayu dalam melahirkan idea untuk diwarisi secara bersama dan dikekalkan bentuknya serta fungsinya sehingga kini. Keperkasaan fungsi yang ditampilkan dalam setiap puisi membawakan fungsi yang berbeza mengikut situasi dan tujuan sesuatu ujaran itu diperdengarkan. Pantun sebagai sebuah puisi yang bersifat malar segar memainkan peranannya sebagai luahan yang sarat dengan nasihat, ilmu. Keperkasaan pantun dikenalpasti dengan kebijaksanaan orang Melayu mencipta pembayang untuk membayangi maksud yang ingin disampaikan. Pantun adalah sebuah gambaran minda, pemikiran serta pandangan hidup orang Melayu. Begitu juga dengan puisi peribahasa yang berfungsi sebagai alat teguran. Disampaikan oleh orang-orang arif, dari pengalaman hidup serta dari kitab-kitab suci, puisi peribahasa Melayu bertindak sebagai suatu alat teguran secara berhemah, tertib dalam patah katanya. Dihiasi dengan perlambangan atau motif alam sekeliling memperindahkan lagi teknik penyampaiannya. Penyampaian yang berunsurkan penegasan seperti mantera turut berfungsi sebagai penghubung antara dunia realiti dan juga dunia ghaib. Hubungan didalangi oleh pawang, dukun mahupun bomoh bertindak sebagai penghubung antara dua alam tersebut bagi memastikan kehidupan orang Melayu pada waktu itu terhindar dari sebarang perkara yang tidak elok. Begitu juga dengan puisi teromba yang berfungsi sebagai peraturan adat bagi mereka yang memegang nilai dan pegangan hidup berteraskan adat Perpatih dan juga adat Minangkabau. Ruang lingkungannya yang meluas dalam pelbagai situasi atau majlis, teromba Melayu dijadikan sebagai panduan, didikan, dan peraturan yang seharusnya dipatuhi oleh masyarakat beradat tersebut. Keperkasaan warisan bangsa Melayu

melalui talibun, iaitu sebuah puisi pemerian menyerlahkan keindahan melodi, serta bahasa dalam memerikan sesuatu perlara. Fungsinya sebagai penghias cerita rakyat iaitu cerita penglipur lara, talibun bertindak memerikan kehebatan, keganjilan, kelahiran, pengembaraan serta kecantikan watak dengan penuh keindahan bahasanya. Selain watak, talibun Melayu juga memerikan tentang kepimpinan, istana mahupun latar tempat dalam cerita yang berkaitan. Puisi teka-teki juga tidak ketinggalan dalam mempamerkan keperkasaan Melayu dengan menyerlahkan kebijaksanaan orang Melayu dalam mencipta soalan untuk diduga. Fungsinya yang lebih kepada penduga akal tersebut memerlukan sekurang-kurangnya dua orang dalam satu-satu interaksi. Pernyataan ideanya tidak begitu mudah kerana ia kebiasaannya hadir dalam suasana yang tidak menentu sama ada santai mahupun formal dan serta soalan yang diluahkan seharusnya berkisarkan keadaan sekeliling orang yang dituju. Keteguhan idea dan pemerksaan puisi sebagai warisan bangsa Melayu juga didapati melalui seloka, yang berfungsi sebagai sindiran, namun dihadirkan dalam bentuk jenaka atau gurau senda. Warisan seni bangsa Melayu melalui sastera khususnya puisi lisan adalah penyumbang kepada asas tamadun Melayu. Asasnya adalah melalui lisan, puisi meletakkan dirinya dalam suatu khazanah yang tidak ternilai harganya dalam jiwa orang Melayu. Bijaksana, kreatif, berfalsafah, bahasa yang indah, melodi, keringkasan bahasa dalam binaan puisi lisan Melayu menyerlahkan keperkasaan orang Melayu.

Maklumat Penulis

Liliy Salwani Bt Razali menerima Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu dari Universiti Putra Malaysia pada 2008, Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Putra Malaysia pada 2012. Beliau kini melanjutkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Kesusasteraan Melayu.

Shaiful Bahri Md. Radzi. (Prof Madya) menerima Ijazah sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang persuratan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1994, Ijazah Sarjana Sastera 1996 dan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2000 dari SOAS, Universiti of London dalam bidang sastera lisan. Beliau kini merupakan pensyarah dalam bidang sastera lisan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- A.Halim Ali, Mana Sikana dan Rosli Saludin. (2011). *Prosiding Sastera Membina Peradaban Bangsa*. Budiman Malaysia.
- A.Teeuw. (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B.Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Braginsky. V. I. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Abdullah Hussain. (1989). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin Mansor. (2015). *Akal Budi Melayu dalam Sajak dan Pantun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dharmawijaya. (1998). *Dunia Puisi dalam Penelitian dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francoise-rene Dailie. (1988). *Alam Pantun Melayu- Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanapi Dolah dan Shaiful Bhari Md. Radzi. (2003). *Sastera Rakyat dan Peranannya dalam Pemerksaan Melayu dalam Persuratan Melayu, Pemerksaan Warisan Bangsa*. Selangor: Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Haron Daud. (2004). *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Haron Daud. (2009). *Mantera dan Unsur Luar Biasa dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harun Mat Piah. (1997). *Puisi Melayu Tradisional; Satu Pembicaraan Genre*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Inon Shaharudin Abdul Rahman. (1988). *Teka-Teki Warisan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Din Ali. (1957). *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur.
- Mohd. Taib Osman. (1975). *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong W. J. (1982). *Orality and Literacy: The Technologizing of the Word*. United States of America: Methuen and Co. Ltd.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. (1970). *Hikayat Malim Demam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Rosli Saludin. (2007). *Anjung Teromba*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Sulaiman Muhamad Nur. (1960). *Gemala Hikmat*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Tenas Effendy. (2007). *Khazanah Pantun Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt R. O. (1960). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zaharah Mohd Khalid. (1965). *Raja Donan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bin Ahmad. (1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (2002). *Kurik Kundi Merah Saga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.